

KONSEP BUDI DAN CABARAN SEMASA *(THE CONCEPT OF VIRTUE AND CURRENT CHALLENGES)*

RAIS YATIM

Pejabat Yang Dipertua Negara
Bangunan Parlimen
Jalan Parlimen,
50680, Kuala Lumpur

Email: ydpn@parlimen.gov.my

(Dihantar: 2 Oktober 2021; Diterima: 10 Disember 2021)

Abstrak

Dalam kesibukan manusia kini, terlalu banyak isu kehidupan yang dilangkaui, tertinggal atau ditinggalkan. Tabii manusia berlumba-lumba mendapatkan kekayaan, kuasa atau kejayaan amat ketara dan lantas meremehkan banyak aspek kehidupan. Masyarakat kita terjebak dengan dilema memilih cara hidup yang mampu menegakkan nilai-nilai tinggi kehidupan. Dalam pertembungan beginilah soal budi di kalangan masyarakat amat penting dan perlu diberikan perhatian. Pada masa yang sama konsep budi perlu dinilai i semula peranan dan keupayaannya. Budi dan amalan usang di alam Melayu yang membendung kehidupan semenjak zaman purba lagi tidak mampu mengubah isu nilai dan cara hidup materialistik. Rakyat Malaysia didapati semacam sudah mabuk dengan citarasa dan gaya hidup moden sehingga *budi* itu tidak dikenali lagi, tidak diterima untuk diajarkan lagi dan juga tidak berapa diacuhkan lagi. Budi terkait dengan budaya hidup; dengan cara berfikir, cara bercakap, cara bergaul dan seterusnya sikap suka yang benar dan kebersihan. Hasilnya terpampang di depan mata: bilik air dan tandas kotor dan busuk, wujudnya budaya buli di sekolah, kecenderungan perbuatan mencuri, kurang ajar semasa di jalan raya, merosakkan harta awam dengan iringan perbuatan negatif yang lain. Budi bukan hanya setakat sifat suka memberi, menolong, peramah, berjiwa murni dan sebagainya. Hidup berbudi menjangkau jauh daripada pemahaman biasa dan sesuai dengan konsep Melayu itu yang pernah diiktiraf oleh Inggeris sebagai *Gentleman of the East*.

Kata kunci: Budi, Masyarakat Melayu, Sistem Nilai, Modeniti, Globalisasi

Abstract

In the busy life of man nowadays, there are too many issues of life that are skipped, left behind, or abandoned. It is human nature to race for wealth, power or success very significantly and thus underestimate many aspects of life. Our society is stuck with the dilemma of choosing a way of life that is able to uphold the high values of life. In such clashes, the question of courtesy among the community is very important and needs to be given attention. At the same time, the concept of virtue needs to be re-evaluated its role and capabilities. Old-fashioned virtues and practices in the Malay world that have restricted life since ancient times have not been able to change the issue of materialistic values and ways of life. Malaysians are found to be so intoxicated with modern tastes and lifestyles that the virtues are no longer known, not accepted to be taught anymore, and are no longer ignored. Virtue is related to the culture of life; by the way of thinking, the way of speaking, the way of associating, and hence the true attitude of love and cleanliness. The results are plastered before the eyes: dirty and rotten bathrooms and toilets, the existence of a culture of bullying in schools, the tendency to steal, rudeness while on the road, damaging public property with the accompaniment of other negative acts. Kindness is not just about giving, helping, being friendly, pure-hearted, and so on. Virtuous living goes far beyond the ordinary understanding and is in line with the Malay concept that was once recognized by the British as the *Gentleman of the East*.

Keywords: Virtue, Malay Society, Value System, Modernity, Globalization

1.0 Pengenalan

Dalam kesibukan manusia kini, terlalu banyak isu kehidupan yang dilangkaui, tertinggal atau ditinggalkan. Tabii manusia berlumba-lumba mendapatkan kekayaan, kuasa atau kejayaan amat ketara dan lantas meremehkan banyak aspek kehidupan. Dalam gelagat begini terasa juga betapa ajaran agama itu kelihatan semacam kurang upaya membendung segala gejala, segala sarakah keterlaluhan insan yang mencalar dan menghitamkan kehidupan. Masyarakat kita terjebak dengan dilema memilih cara hidup yang mampu menegakkan nilai-nilai tinggi kehidupan. Dalam pertembungan beginilah soal budi di kalangan masyarakat amat relevan di beri perhatian dan menilai semula peranan dan keupayaannya.

2.0 Aspek Nilai

Isu nilai dan cara hidup inilah yang menjadi soalan ceptu emas kepada semua: ibu bapa, pemimpin, guru, penguatkuasa, hakim dan mereka yang berasas kepada pendidikan. Persekolahan semata-mata nampaknya gagal membentuk masyarakat luhur yang bersantun tinggi atau yang mengamalkan budaya tinggi. Mampukah budi – satu-satunya falsafah hidup dan amalan usang di alam Melayu yang membendung kehidupan semenjak zaman purba lagi mengubah scenario negative yang disebutkan di atas? Sorotan ringkasnya ialah budi sebagai kerawang minda harus terus jadi pencetus kebaikan di tengah-tengah kehidupan manusia. Mampukah ia berperanan menghidupkan semula budaya tinggi serta meneruskan kehidupan murni seperti mana ia mampu mewujudkan masyarakat berbudaya tinggi di zaman silam dahulu? Ramai yang kata "Ya, mampu sebab orang Melayu khasnya dan penduduk wilayah Nusantara ini amnya terkenal dengan cara hidup berbudi". Sebilangan lain pula berpendapat "Tidak, tidak mungkin amalan budi itu membentuk masyarakat yang bersatu beramanah dan berbudaya tinggi kerana kaedah hidup berbudi itu sudah ketinggalan zaman dan sudah kabur menjadi abstrak." Kedua-dua rumusan ini dapat diberi penilaian.

Budi atau dalam ejaan lainnya – *bodhi* atau *buddhi* seperti yang dimengertikan sebelum dan selepas zaman Srivijaya (circa 650-1150) bermakna pemikiran dan cara hidup yang berhemah dengan budaya tinggi. Budi sebagai pemikiran dan perbuatan baik dan luhur menjadi sifat utama amalan lampau yang harus dikinikan semula secara bersepadu, secara bersungguh-sungguh agar usaha berbudaya tinggi itu mantap sebagai sifat diri. Ia mampu menjadi benteng dan pembendung perlakuan negatif. Seperti yang dicirikan oleh ramai penyelidik jiwaan Melayu, budi menjadi pendorong atau pemangkin yang kuat terhadap membina semangat baik lagi positif. Produk atau rasa "malu" jika tidak menurut aliran kelakuan berbudi menjadi satu pemangkin yang sangat berkesan seperti mana orang Cina mendepani hidup melalui falsafah *Li Yi Lian Chi* yang menggabungkan Li (hormat-menghormati), Yi (kebenaran melalui Bahasa dan perbuatan), Lian (integriti – jujur dan ikhlas) dan Chi (perasaan malu akan perkara yang jahat atau negatif). Falsafah ajaran Confucius ini masih diajar di sekolah-sekolah Tionghua. Di sekolah Tamil pula *budi bahasa budaya kita* disorot dari buku usang bernama *Thirakkural* karangan Valluvar berusia kira-kira 4000 tahun lampau.

Dahulu kala orang segan malah berasa takut jika didapati berkelakuan tidak berbudi. Sebutan dan amalan berbudi membawa kebaikan sifat perangai. Tidak ada satu kelompok manusia pun di wilayah Kepulauan Melayu atau Nusantara yang tidak mengenal, mendengar atau menyaksikan pengaruh budi di kalangan masyarakat mereka. Di Jawa, Minangkabau, Deli, Aceh atau di Sunda dan Sulawesi budi bahasa tetap dikenal dan dimuliakan. Cuma pelaksanaannya tampak kian lama kian terselindung oleh gara-gara kelakuan moden. Begitu ramai di kalangan masyarakat kita yang masih terasa dan teruja dengan budi serta pelbagai kesan dan implikasinya. Salah satu implikasi ketiadaan budi dalam kehidupan harian ialah seseorang itu akan terasa malu atau segan jika masyarakat mengata kepadanya bahawa dia *tidak berbudi*.

Jika ada pihak yang melontarkan ungkapan "tak berbudi punya orang" ke muka kita, satu perasaan di luar dugaan sudah tentu akan dirasai dan mungkin bertindak fizikal membalas secara tempelak atau fizikal. Apatah lagi bila orang membedal kita dengan kata-kata *kurang ajar* – satu kata lawan kepada *berbudi*.

3.0 Hakisan Budaya

Rakyat Malaysia didapati semacam sudah mabuk dengan citarasa dan gaya hidup moden sehingga *budi* itu tidak dikenali lagi, tidak diterima untuk diajarkan lagi dan juga tidak berapa diacuhkan lagi. Di sekolah, di maktab dan universiti budi dan budaya tinggi tidak diajar dan tidak diamalkan lagi dalam bentuk capaian seperti kebersihan diri dan persekitaran; ciri-ciri hormat-menghormati, suka membantu orang lain, asakan supaya hak dan harta orang jangan diambil.

Budi terkait dengan budaya hidup; dengan cara berfikir, cara bercakap, cara bergaul dan seterusnya sikap suka yang benar dan kebersihan. Kebersihan bilik darjah, kebersihan tandas, keterampilan diri, sifat kasih sayang dan hargadiri sesama manusia tidak lagi jadi ukuran atau piagam carahidup. Hasilnya terpampang di depan mata: bilik air dan tandas kotor dan busuk, wujudnya budaya buli di sekolah, kecenderungan perbuatan mencuri, kurang ajar semasa di jalan raya, merosakkan harta awam dengan iringan perbuatan negatif yang lain. Di Indonesia menghormati *Pancasila* menjadi pelengkap kepada realiti budi. Di Jepun salah satu sukatan kegiatan bersekolah ialah amalan guru dan murid menjaga kebersihan bilik darjah dan sekolah di samping tunduk dengan ungkapan "Haik" setiap kali ada pertemuan; di Thailand pula orang Siam menyusun jari di dada tanda hormat. Amalan ini tampak kepada dunia lantas

menyumbang imej tinggi budaya. Sekali gus memaparkan ketinggian budi mereka.

Perbincangan ini tidak menawarkan ubat mujarab bagi kelemahan kemanusiaan sejagat. Tulisan ini juga bukan untuk berbelok ke haluan dunia yang serba-serbi sempurna. Perbincangan ini hanya sekadar membelai dan mengingatkan: tanpa budaya tinggi kita akan gagal menterjemah atau mengamalkan kehidupan baik dan maju dalam ertikata sebenar. Secara hakiki dan kebetulan, *budi* atau *virtue* dalam bahasa Inggeris, *adab* dalam Bahasa Arab, *meide´* dalam Mandarin dan *natgunem* dalam Bahasa Tamil semuanya memerlukan satu tempat kekal dalam dunia pendidikan kita. Ia mesti dikenalpasti semula dan diamalkan oleh semua. Sukatan Pendidikan Budi mesti disiapkan diajarkan sebagai amali wajib sebagai mata pelajaran amali yang wajib. Di sinilah ruangnya bagi transformasi utama di negara kita.

Guru perlu dilatih kaedah mendidik budaya yang telah teruji zaman berzaman ini; mesti dicari jalan bagaimana budi juga berada di dalam sistem pemerintahan atau sistem berkerajaan. Selain budi di dalam pendidikan, pentadbiran dan politik negara, budi amat perlu berada dalam pengawasan dan pendidikan keluarga. Cara hidup kita mesti bertukar kepada sistem hidup yang dinaungi budaya tinggi.

4.0 Situasi Semasa

Selepas hampir 70 tahun negara merdeka, capaian tentang kualiti hidup termasuk budi pekerti rakyat khususnya tidak dapat dikatakan berjaya. Dari sudut kelakuan dan hemah diri, tampak bahawa cara hidup hari ini sudah terlalu banyak dihempas dan pulas oleh anasir kekasaran, langgar bahasa, bahasa carut, maki hamun dan tingkah laku yang merosot dari kebaikan dan kemuliaan. Hubungan bahasa kita atau komunikasi antara sesama kita kian menurun rasa hormat dan kebudiannya sedangkan budi itu diterima sepanjang zaman sebagai cara selesa bermaruah yang sentiasa dijaga dengan cermat¹ dan Berbanding keadaan dua atau tiga dekad lampau, kehidupan kita kini lebih beraloran tanpa budi. Dengan lain ungkapan, kita sudah lupa siapa kita. Lanjutan ini memang mudah bagi seseorang menuding jari sambal lebih menyalahkan mereka di tahap pimpinan. Ahli-ahli Parlimen kita yang mencarut, berlagak lupa diri semasa bertelagah di Dewan Rakyat awal 2020 sudah jadi natijah buruk laku. Anihnya tiada apa-apa

¹ Antar Venus, *Budi Sebagai Nilai Dasar Komunikasi Orang Melayu*, Simbiosis Bandung, 2015. m.15

tindakan diambil. Bukan saja ahli Parlimenberkenaan gagal pimpinan Dewan Rakyat sekalipun dipalitkan lumpur. Pimpinan melalui teladan memang dinanti-nantikan.

Cuma satu kenyataan timbul: sistem moden kita di negara ini tidak pandai menapis dan menangkis nilai-nilai luaran sehingga kebergantungan kita kepada paparan komputer tangan seperti yang disajikan melalui telefon bimbit, misalnya, sudah menjajah kehidupan kita; hiburan, wayang sinema, pendidikan formal Barat – semua ini lantas membolosi daya tahan kita. bahasa kita, komunikasi kita, pendidikan kita, keluarga kita – semuanya sudah ditembusi nilai-nilai negatif. Sehari tanpa isian fon bimbit, misalnya, semacam kehilangan sifat kemanusiaan kita. Internet tidak lagi untuk pelajaran atau kursus talian tetapi untuk mengisi paluan tabii songsang. Ini tamparan hebat lagi teruk.

Menyalahkan kerajaan semata-mata tentu tidak adil walaupun banyak situasi jelas memaparkan bahawa pihak-pihak berwajib dalam institusi kerajaan kurang memainkan peranan proaktif dalam menangani gejala sosial sehingga mengakibatkan menghilangnya pasak-pasak kemasyarakatan kita yang lampau. Nilai-nilai ketimuran kita sudah layu, budaya kelompok bangsa seperti gotong royong tenggelam, Bahasa kita semacam sekerat ular sekerat belut. Tiada lagi ayat bahasa Melayu tulen, bahasa Melayu sudah dilnggeriskan.

5.0 Langgar Bahasa

Langgar Bahasa, satu-satunya istilah 'kurang ajar' dalam versinya yang lunak juga sudah muncul sebagai *tinggi dagu pada bibir* lagaknya. Melihat gelagat gerombolan mat rempit berlumba motorsikal tengah malam dalam bilangan ratusan, misalnya mencerminkan satu-satunya kelemahan masyarakat kita, sistem disiplin hidup kita dan keretakan fabrik sosial orang Melayu. Sepertimana juga kes penagihan dadah yang diwakili 75% oleh orang Melayu dari angka purata 280,000 seluruh negara. Angka pemimpin dan kakitangan kerajaan yang rasuah juga memalukan. Soal sahsiah rosak atau sahsiah negatif individu, isu mewajibkan asuhan budaya tinggi dalam kurikulum pendidikan dan latihan, misalnya, acapkali merupakan persoalan hidup dan survival yang sentiasa berada ditahap kesempingan lantaran tidak diutamakan; dilema pengajaran akhlak menerusi agama yang tidak berkesan juga timbul; kelakuan bacul dan kasar bahasa ahli-ahli yang Berhormat di Dewan Rakyat dan sesekali juga di Dewan Perundangan Negeri-negeri (DUN) terus-menerus muncul sebagai tamparan dan cabaran kepada hidup bersahsiah.

Oleh kerana budi berkaitan langsung dengan kehidupan dan mata pencarian, kejadian-kejadian jenayah curi-rompak, rampas tas tangan, penipuan dan puluhan jenayah lazim yang lain juga menempelak masyarakat kita. Sesak juga nafas dibuatnya jika dikaji satu persatu kesalahan dan salahlaku tersebut. Sampai ada yang berani mengatakan "Kalau pimpinan atasan pun buat hal dengan pecah amanah bernilai berbilion ringgit apalah ada pada mereka yang curi ayam untuk golongan marhaen."

Polemik tentang hidup berbudi atau hidup berbudaya tinggi melibatkan bidang yang besar lagi luas. Ia juga melibatkan dayafikir yang khusus lagi mendalam. Dikatakan begitu kerana budi atau budaya tinggi merupakan isian hidup. Sebagai isian hidup budi dan budaya tinggi merupakan batu asas tamadun. Jika ini tidak dijadikan fokus Pendidikan dan latihan, kemungkinan Malaysia mencapai status "failed state" akan menjadi nyata. Ini adalah kerana hidup berbudi atau hidup berbudaya tinggi merupakan persoalan kehidupan yang berimbang dengan tamadun bangsa.

6.0 Sistem Institusi

Institusi keluarga itu sendiri perlu diapungkan untuk diteliti dan diperiksa kembali. Mendapatkan anak-anak mengungkapkan *terima kasih, syukur, apa khabar, Alhamdulillah* dan sebagainya perlu diformalkan. Pepatah *tak kenal maka tak cinta* boleh saja dijadikan *thamthil* melalui bimbingan keluarga. Dalam hal ini, kata-kata falsafah Melayu yang sedia terkandung dalam perumpamaan, pantun, bidalan, seloka, kata-kata hikmat adat dan lain-lainnya sentiasa boleh dijadikan sebagai petua hidup. Syaratnya orang Melayu khasnya mesti sedar bahasa dalam lipatan sejarah dan evolusi mereka sebagai bangsa di dunia ini mereka sedia punya khazanah bernilai yang banyak dalam bentuk falsafah kekal. Tetapi umum mengetahui segala petua dan falsafah tempatan itu tidak lagi dihiraukan. Dalam analisis UNESCO pada tahun 1990 dalam laporan tentang kebijaksanaan masyarakat bertamadun, banyak ajaran falsafah lama sesuatu komuniti itu yang dijadikan pangkalan kebijaksanaan yang diberi nama *local wisdom* (kebijaksanaan tempatan).

Berapa kerapkah latihan hidup berbudi itu dapat dilaksanakan bagi petugas-petugas awam di hospital, pejabat-pejabat kerajaan, sektor-sektor tertentu swasta seperti bank, kedai makan, klinik perubatan, restoren, gerai dan di lain-lain venu? Setelah meneliti ini semua mungkin akan ada pihak

berpendapat: bukan hanya asuhan budi yang perlu dititikberatkan, tetapi juga seluruh sistem nilai olahan hidup kita sebagai satu masyarakat Malaysia. Cita-cita Keluarga Malaysia wajib diasaskan melalui nilai-nilai positif yang wajib dijadikan elemen asuhan dan bimbingan.

Permata yang tidak digilap masakan nampak sinar dan daya tarikannya. Warga Nusantara dari Perlis ke Sarawak dan Sabah, dari Sabang ke Marauke budi itu sudah jadi darah daging kehidupan justeru tamadun kelompok bangsa Melayu Austronesia. Tetapi jika tidak diajar falsafah-falsafah dan kata-kata hikmat kita sendiri, mana generasi kini atau yang mendatang akan tahu keindahan, nilai dan kebergunaannya?

Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) yang dizahirkan 1957 secara jelas mendefinisikan mengenai konsep Melayu. Tiga kriteria yang dikenakan atas sia[a Melayu ialah individu itu hendaklah beragama Islam, bertutur secara lazim bahasa Melayu dan tertakluk kepada *adat istiadat* (budaya) Melayu dan sebelum hari Merdeka (31 Ogos 1957) dilahirkan ibu-bapa yang salah seorangnya terdiri dari kelahiran Singapura atau Tanah Melayu. Istilah *adat istiadat* di bawah Per 160 itu tentunya bererti budaya Melayu. Budaya Melayu tentunya mengandungi elemen budinya kerana perkataan *budaya* itu sendiri mengandungi *budi* sebab dari budi barulah wujud budaya.

7.0 Rumusan

Budi memang *jika dilipat hanya sekecil kuku* tetapi jika disebar ia boleh jadi seluas alam. Budi bukan hanya setakat sifat suka memberi, menolong, peramah, berjiwa murni dan sebagainya. Hidup berbudi menjangkau jauh kepada konsep Melayu itu yang pernah diiktiraf oleh Inggeris sebagai *Gentleman of the East*. Dalam skop sejagatnya budi itu ialah pasak atau asas tamadun.

Catatan:

Versi asal dan awal penulisan ini telah disampaikan dalam pelbagai bentuk seminar, bengkel, kenyataan media dan sebagai ucapan oleh Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim. Sidang Pengarang berterima kasih kepada beliau yang membenarkan intipati tersebut diubahsuai format sesuai dengan penerbitan ini. Tan Sri merupakan ikon Melayu yang disegani dalam isu budaya dan masyarakat Melayu. Beliau pernah mengajar Bahasa Melayu kepada *Peace Corps* Amerika di Amerika Syarikat dan aktif menulis dan menyelidiki mengenai budaya Melayu. Antara buku dihasilkan ialah *Freedom*

Under Executive Power in Malaysia (1995), *Adat: The Legacy of Minangkabau* (2015) *Budi Asas Tamadun* (2021)

Beliau pernah menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan (1978-1982), Menteri Tanah dan Pembangunan Wilayah, Menteri Penerangan, Menteri Luar Negeri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Menteri Pemnerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Beliau juga pernah dilantik sebagai Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2013-2018) dan kini ialah Yang Dipertua Dewan Negara (September 2020- sekarang). Tan Sri Rais ialah lulusan doktor falsafah undang-undang dari King's College University of London.